

## Wawancara Eksklusif YB DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Oleh : Mohd Khairul Effendi Che Wan

**1** Sebagai permulaan wawancara ini bolehkah YB Dato' menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan dan juga perjalanan karier sehingga ke tahap di mana YB Dato' berada sekarang?

### Jawapan:

Saya memulakan perjalanan pendidikan saya di Sekolah Rendah Iskandar Shah, Parit, Perak dari tahun 1968 hingga 1973. Bermula dari tahun 1974 saya meneruskan pendidikan di Sekolah Menengah Iskandar Shah, Parit, Perak dan menamatkan persekotahan dalam Tingkatan 6 Atas pada tahun 1980. Dalam tahun 1981 saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dan mengikuti kursus Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial dengan membuat pengkhususan dalam bidang Pengajian Kependudukan.

Setelah menamatkan pengajian di Universiti Malaya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menempatkan saya untuk menjawat jawatan Pegawai Arkib di Jabatan Arkib Negara pada 1 Disember 1984. Pada 12 Januari 1987 saya telah meletakkan jawatan sebagai Pegawai Arkib kerana diterima memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik serta diwajibkan mengikuti kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) selama setahun.

Saya memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988 dan ditempatkan di Biro Tatanegara sebagai Penolong Pengarah. Pada tahun 1991 saya telah ditukarkan pula untuk berkhidmat di Jabatan Tanah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Penolong Pengarah/Penolong Pentadbir Tanah. Menyedari keperluan meningkatkan ilmu pengetahuan, saya telah memohon daripada JPA untuk menyambung pelajaran dalam program Ijazah Sarjana di United States of America (USA).

Saya telah mengikuti Program Management and Business Administration (MBA) dengan membuat pengkhususan dalam bidang Management Information Systems (MIS) daripada Universiti of Dallas, Texas, USA pada tahun 1994 hingga 1995.

Sebaik sahaja menamatkan pengajian di USA, saya telah ditempatkan pula di Kementerian Pembangunan Usahawan

sebagai Penolong Setiausaha daripada Januari 1996 hingga September 2000. JPA sekali lagi telah menawarkan saya untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Kedoktoran di Loughborough University, United Kingdom. Saya telah membuat penyelidikan dalam bidang 'Knowledge Management' selama tiga tahun dan menghabiskan pengajian pada September 2003.

Mulai November 2003 saya telah ditempatkan di Institut Tabiran Awam Negara (INTAN) sebagai Penyelaras Program Kanan. Di INTAN saya telah dinaikkan pangkat beberapa kali sehingga memegang jawatan sebagai Timbalan Pengarah INTAN pada tahun 2009. Seterusnya saya telah ditukarkan pula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) mulai Mac 2010 sehingga Jun 2013. Pada bulan Julai 2013 saya telah kembali tugaskan di INTAN sebagai Timbalan Pengarah Kanan sehingga Disember 2017. Mulai Januari 2018 saya telah memulakan tugas saya sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

**2** Apakah pendekatan YB Dato' untuk memantapkan halatuju Perlis sebagai Negeri Ilmu sebaik sahaja dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri ini?

### Jawapan:

Slogan **Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju** merupakan slogan bernas yang perlu dijadikan pedoman oleh seluruh rakyat Negeri Perlis. Memiliki ilmu adalah satu kemestian dalam kehidupan manusia dan perlu diperolehi walaupun kita dalam kesibukan tugas dan pekerjaan. Semampu boleh timbalah ilmu selengkapnya kerana ketidaksempurnaan ilmu adalah **laksana golok kayu, ditetakkan tak makan, dijual tidak laku**. Tiada yang dapat dimanfaatkan. Pembinaan budaya ilmu yang bersepadu dan jitu merupakan prasyarat awal dan terpenting bagi kejayaan, kekuatan dan kebahagiaan seseorang dan sesuatu bangsa. Bagi menjamin Perlis menjadi Bandaraya Maju 2030, keperluan meningkatkan modal insan yang bermentaliti kelas pertama adalah sangat penting selari dan seimbang dengan kemajuan fizikal dan ekonomi yang ingin dicapai.

Saya sangat menggalakkan sesiapa sahaja dalam kalangan penjawat awam tanpa mengira pangkat yang ingin menyambung

pelajaran mereka. Malah bagi mereka yang mengikuti program sarjana atau PhD, saya sentiasa bersedia memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman terutama dalam membuat penyelidikan. Secara peribadi saya pernah menjadi penyelia (supervisor) kepada dua orang pelajar di peringkat Ijazah Kedoktoran dan beberapa orang lagi di peringkat Sarjana walaupun saya hanya seorang pentadbir.

Di dalam dunia pekerjaan, keperluan ilmu tidak boleh dipertikaikan. Pada pendapat saya, seliap penjawat awam perlu memiliki ilmu yang bukan sahaja berkaitan dengan tugas masing-masing tetapi juga bidang-bidang lain yang bersesuaian. Dengan cara ini, kita pasti mampu melaksanakan tugas harian dengan lebih yakin dan berkesan. Kaedah terbaik adalah dengan melaksanakan tugas kepada penjawat awam di negeri Perlis mengikut masa yang bersesuaian agar mereka mampu memperoleh ilmu baharu dalam tugas yang baharu. Untuk menjadi seorang yang lebih cemerlang, penjawat awam tidak seharusnya selesa dengan tugas yang sama untuk jangka masa yang panjang. Jika ada peluang untuk menjalankan tugas lain, rebutlah ia sebaik mungkin. Garaplah ilmu dan pengalaman dalam pelbagai bidang agar dapat menjalankan tugas dengan lebih yakin. Pepatah Melayu menyatakan **hendak belajar berenang dapatkan itik, nak belajar memanjat dapatkan tupai**. Justeru, bersedia untuk bertukar di mana sahaja diminta tanpa sebarang prejudis. Cabaran utama adalah untuk menukarkan penjawat awam menjalankan tugas yang lain kerana ada yang enggan bertukar kerana beberapa faktor yang tidak munasabah.

Ilmu bukan sahaja terangkum dalam helaian-helaian buku sahaja, tetapi merangkumi catatan pengalaman yang dibentuk sepanjang kehidupan seseorang. Sesuatu pekerjaan yang dilaksanakan tanpa ilmu tentu sahaja tidak memberikan impak yang besar kepada organisasi. Pepatah menyebut, **biduk kalau tidak berkemudi, bagaimana ia akan laju?**

**3** Sebagai seorang yang mempunyai Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, apakah impak yang mampu dihasilkan dengan kewujudan Institusi Pendidikan Tinggi dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri Perlis?



#### Jawapan:

Kewujudan institusi pengajian tinggi dalam sesuatu lokasi secara langsung mampu memberi impak kepada sesebuah kawasan atau negeri. Sebagai sebuah negeri kecil yang hanya berkeluasan 821 km persegi, kehadiran ramai pelajar tentunya akan meningkatkan ekonomi penduduk tempatan yang menawarkan barangan dan perkhidmatan yang diperlukan. Peniaga-peniaga semestinya dapat mengembangkan aktiviti perniagaan mereka tanpa perlu risau. Memandangkan UniMAP mempunyai beberapa kampus di sekitar negeri Perlis tentunya kewujudan kampus-kampus ini dirasai dan diperlukan oleh rakyat negeri ini.

Selain itu, institusi-institusi pengajian tinggi juga memiliki pensyarah-pensyarah yang inovatif dan kreatif serta mempunyai kredibiliti yang tinggi. Ilmu yang dimiliki oleh mereka bukan sahaja mampu melahirkan pelajar yang berpotensi tinggi, malah turut memberi impak positif kepada banyak pihak. Keupayaan tenaga-tenaga pengajar yang profesional ini tentu menarik minat pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar daripada luar negara untuk sama-sama berada di Perlis baik untuk bekerja mahupun untuk menimba ilmu.

Disamping itu, keupayaan pensyarah-pensyarah yang berkualiti juga tentunya mampu mencetuskan idea-idea baharu yang menepati kehendak dan keperluan agensi kerajaan dan industri. Pensyarah-pensyarah UniMAP boleh bekerjasama dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta dalam menghasilkan produk-produk baharu atau yang mempunyai nilai tambah yang tinggi hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Secara tidak langsung inisiatif-inisiatif ini mampu meningkatkan ekonomi negeri Perlis.

**4** Jika dilihat kepada kehadiran Revolusi Industri 4.0 yang semakin pesat membangun, apakah cadangan yang YB Dato' boleh berikan kepada UniMAP untuk menjadi Universiti Awam yang terbilang di peringkat antarabangsa?

#### Jawapan:

Kehadiran revolusi perindustrian 4.0 (IR 4.0) tidak dapat disangkal lagi. Samada kita mahu atau tidak, kehadirannya akan tetap dirasai. Sembilan tonggak utama IR 4.0 termasuklah data raya (big data), realiti terimbuhi (augmented reality), robot autonomi (autonomous robots), pembuatan bahan tambahan (additive manufacturing), pengkomputeran awam (cloud computing), keselamatan siber (cyber security), internet benda (internet of things), sistem bersepadu (system integration) dan simulasi (simulation).

**5** Apakah pesanan YB Dato' kepada warga UniMAP khususnya kepada mahasiswa yang juga merupakan modal insan dan aset penting kepada masa depan negara?

#### Jawapan:

Warga UniMAP baik pensyarah mahupun mahasiswanya perlu memiliki semangat juang yang tinggi dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar. Seorang pensyarah, perlu membentuk diri mereka sebagai pendidik yang bukan hanya menyalurkan ilmu kepada pelajarannya tetapi turut berperanan membentuk sahsiah pelajar menjadi seorang yang mempunyai jati diri tinggi, beradab dan penuh integriti. Bimbinglah setiap pelajar dengan bersungguh-sungguh tanpa jemu. Mereka umpama kanvas putih yang menanti kita untuk mencorakkannya dengan pelbagai warna yang menarik. Bagi memikul amanah mendidik anak bangsa, seorang pensyarah tidak harus berasa jemu dan cepat putus asa. Sebaliknya mereka perlu berusaha dengan gigih. Andainya pensyarah **enggan membasahkan pengayuh, tentunya sampan takkan sampai ke seberang.** Justeru, aturkan strategi yang tersusun dan berhati-hati **bagai menghela tali jala, rasa tegang dikendurkan, rasa kendur ditegangkan**

Bagi mahasiswa pula, jadilah sebagai seorang insan yang mempunyai jati diri yang tinggi, berhemah dan sentiasa mendekati diri kepada pencipta. Rebutlah peluang yang ada tanpa menoleh ke belakang. Ini adalah kerana peluang hanya datang sekali, tidak dua atau tiga. Berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana **yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang.** Jangan biarkan kegagalan menguasai diri. **Pengayuh telah ada ditangan, perahu sudah di air,** maka teruskan perjuangan bersungguh-sungguh dan berusahalah sedaya mungkin untuk menjadi insan yang dapat berbakti kepada keluarga, nusa dan bangsa.

**6** Akhir sekali, apakah harapan dan saranan YB Dato' kepada seluruh warga UniMAP untuk bersama-sama ke arah pencapaian akademik dan organisasi yang cemerlang dan berdaya saing?

#### Jawapan:

Universiti adalah merupakan sebuah entiti yang sentiasa diwarnai dengan kecemerlangan. Ianya bukan sahaja tempat di mana ilmu diperoleh tetapi turut dihuni oleh insan yang hebat, insan yang mampu mencorak sebuah peradaban yang kukuh di masa akan datang. Namun untuk berjaya, warga UniMAP perlu memiliki tenaga pengajar yang kreatif, inovatif, berilmu, amanah, berintegriti tinggi dan sentiasa berfikir positif. Selain itu warga UniMAP juga perlu memiliki budaya kerja sepunya yang merentasi setiap ruang dan merangkumi setiap individu dalam organisasi. Setiap individu mempunyai keupayaan yang berbeza dari segi fizikal, mental dan emosi. Keunikan inilah sebenarnya yang menjadi pelengkap apabila disatukan.

Justeru, kesepaduan mesti diwujudkan kerana **kuat ikan kerana radai, kuat burung kerang sayap, kuat ketam kerana sepi.** Dengan cara ini baharulah budaya cemerlang dapat dihasilkan di mana setiap individu akan menjalankan kerja dengan penuh disiplin, tekun dan beramamah. Warga yang tidak berdisiplin, mementingkan diri, selalu mengambil sikap sambilewa dan tidak jujur adalah merupakan penghalang utama yang boleh meruntuhkan kredibiliti sesebuah organisasi.

